

**NO. SOALAN : 54**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. DATUK JUSLIE BIN AJIROL  
[ LIBARAN ]**

**TARIKH : 19 OKT 2015**

**SOALAN :**

**YB. Datuk Juslie bin Ajirol [ Libaran ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan pendekatan strategik yang diambil bagi mengekalkan momentum pembangunan industri pelancongan negara terutama di Sabah dan bagaimana promosi di pasaran lain seperti pasaran ASEAN, pasaran Asia Selatan, pasaran Asia Barat, pasaran Ocenia dan pasaran Eropah.

**JAWAPAN :     DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Terdapat beberapa pendekatan strategik yang dilaksanakan oleh pihak Kementerian untuk mengekalkan momentum pembangunan industri pelancongan Negara yang merangkumi pembangunan projek-projek pelancongan dan kebudayaan, penganjuran acara-acara pelancongan dan kebudayaan, pelaksanaan pelbagai program pelancongan dan kebudayaan serta promosi bagi meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap penambahbaikan perkhidmatan-perkhidmatan pelancongan dan sebagainya di seluruh Malaysia sempena kempen Malaysia Year of Festivals 2015.

Bagi Negeri Sabah khususnya, sebanyak RM 71,625,800.00 dibawah RMK-10 diperuntukkan untuk melaksanakan 46 projek pembangunan pelancongan. Sebanyak RM 330,000.00 diperuntukkan bagi pelaksanaan program dan aktiviti di negeri Sabah yang meliputi Program Homestay, Program We Are The Host (WATH) dan Program Voluntourism.

Program Homestay Malaysia menggalakkan penyertaan masyarakat luar bandar dalam sektor pelancongan untuk meningkatkan pendapatan dan taraf hidup mereka. Terdapat sebanyak 19 kluster homestay di negeri Sabah yang telah berdaftar dengan kementerian dengan penglibatan seramai 273 pengusaha Homestay. Berdasarkan statistik semasa iaitu Januari hingga Julai 2015, Homestay di Negeri Sabah telah menjana pendapatan sebanyak RM1,142,430.90 dengan jumlah kedatangan

pelancong seramai 8,996 yang terdiri daripada pelancong domestik dan antarabangsa iaitu dari negara ASEAN, Asia Selatan, Asia Barat, Ocenia dan Eropah.

Program Latihan Terapi Spa pula merupakan salah satu Bidang Keberhasilan Utama Pelancongan (NKEA) atau *Entry Point Project* (EPP 9a) sektor pelancongan yang menyasarkan pengwujudan sebanyak 5,644 peluang pekerjaan menjelang tahun 2020. Sebanyak enam (6) pusat latihan terapi spa atau *Centre of Excellence* (COE) telah dilantik oleh pihak Kementerian dan salah satu daripadanya terletak di negeri Sabah. COE ini berperanan untuk merancakkan perkembangan industri spa negara melalui penyediaan latihan kepada belia tempatan menjadi tenaga kerja Juruterapi Spa yang bertauliah dalam usaha memenuhi permintaan daripada pihak industri di samping mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing.

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam usaha mengekalkan momentum pembangunan industri pelancongan negara, pihak Kementerian khususnya di Negeri Sabah telah memperkenalkan satu (1) lesen bersepadu bagi pemandu pelancong menjalankan aktiviti pemanduan di negeri tersebut. Penggunaan hanya satu (1) lesen yang bermula pada Januari 2014 ini dikenali sebagai lesen pemandu pelancong *Region Specific Tourist Guide* (RSTG). Untuk makluman, lesen ini hanya boleh digunakan di Negeri Sabah atau Sarawak sahaja. Sebelum lesen RSTG ini diperkenalkan, para pemandu pelancong di Negeri Sabah perlu mempunyai dua lesen yang berbeza iaitu lesen pemandu pelancong bandar (biru) dan lesen pemandu pelancong alam

semulajadi (hijau). Lesen biru diperlukan untuk membuat pemanduan di kawasan bandar, manakala lesen hijau untuk pemanduan di kawasan alam semulajadi. Pengenalan hanya satu (1) lesen ini telah memudahkan pergerakan dan operasi pemandu pelancong serta membantu mengekalkan momentum pertumbuhan industri pelancongan khususnya di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua,

Pendekatan strategik yang dilaksanakan oleh pihak Kementerian bagi mengekalkan momentum pembangunan industri pelancongan negara terutamanya di Sabah dari segi promosi adalah melalui Penyertaan Dalam Pameran seperti Pameran Matta, Corporate Travel Baazar, dan Homestay Fair. Pemain-pemain industri pelancongan seperti agensi pelancongan, pengusaha hotel, pengusaha produk pelancongan dan kraftangan juga pengusaha Homestay dijemput untuk menyertai program ini. Bantuan kepada agensi pelancongan turut diberikan melalui pembangunan pakej-pakej yang unik dan menarik bagi mempromosikan produk-produk pelancongan dan acara di setiap peringkat daerah di negeri Sabah. Salah satu(1) pakej yang telah dibangunkan adalah Sabah Premier Event Best of Borneo Packages yang terdiri daripada produk pelancongan seperti Tamu Besar Kota Belud, *Sabah Fest*, *Sunset Music Fest*, *International Folklore Fest* dan *Borneo Bird Fest*. Satu penerbangan berjadual oleh Spring Airlines dari Shanghai ke Kota Kinabalu juga baru dimeterai dan telah dilancarkan oleh YB. Menteri Pelancongan dan Kebudayaan pada 14 Oktober 2015, disamping memperkenalkan pakej lawatan ke Sabah yang dikendalikan oleh Spring Tour & Travel, Shanghai.

Acara – acara premier seperti Pesta Regatta Lepa di Semporna, Pesta Kalimantan di Tenom, Rumah Terbuka Peringkat Kebangsaan Pesta Menuai di Ranau dan Pesta Sabah dipromosikan dengan bantuan Tourism Malaysia Sabah melalui pembangunan pakej pelancongan, bahan-bahan kolateral, hebahan melalui media sosial dan sebagainya.

Penyertaan secara konsisten dalam pameran pelancongan antarabangsa (*travel & trade show*) dan aktiviti *roadshow* di pasaran yang berpotensi menjana kedatangan pelancong ke Malaysia setiap tahun dilihat berupaya meluaskan pasaran. Dalam jangkasama panjang, *Tourism Malaysia* telah menyusun pelan strategik 4 tahun (2016-2020) bagi memastikan kedatangan pelancong ke Malaysia terus konsisten dan mencapai sasaran yang telah ditetapkan

Sekian, terima kasih.